

KEPERLUAN PELAKSANAAN HUKUMAN ALTERNATIF SEBAGAI PEMULIHAN EFEKTIF KEPADA PESALAH SYARIAH

NURHIDAYAH BINTI AZAHARI¹

ZANARIAH BINTI DIMON²

MOHD FAROK BIN MAT NOR³

E-mel: Nurhidayahazahari93@gmail.com (Corresponding author)

ABSTRAK

Takat bidang kuasa hukuman jenayah syariah di Malaysia adalah jelas termaktub dalam Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1965 pin. 1984. Sehingga kini, takat bidang kuasa hukuman di mahkamah syariah masih di tahap yang sama dan berpaksikan kepada tiga tahun penjara, RM 5,000.00 denda atau enam kali sebatan, atau mana-mana kombinasi hukuman. Ekoran daripada itu, takat bidang kuasa hukuman tersebut dilihat semakin kurang relevan dalam memberikan kesedaran atau pemulihan kepada pesalah syariah khususnya. Tambahan lagi, takat penghukuman tersebut telah hampir mencapai empat dekad amalannya di Malaysia. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis keperluan untuk menguatkuaskan hukuman alternatif sebagai pemulihan yang efektif kepada pesalah syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis dokumen dan instrumen temu bual dalam pengumpulan data. Skop bidang kajian ini adalah mengenai hukuman alternatif sebagai keperluan pemulihan yang menkhususkan kepada pesalah syariah dan kajian ini tertumpu di empat negeri iaitu negeri Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Johor. Hasil kajian mendapati bahawa negeri Selangor adalah negeri yang sedang aktif melaksanakan hukuman alternatif berbanding tiga negeri lain. Kajian ini penting dalam usaha untuk mengangkat hukuman alternatif sebagai salah satu hukuman yang dilihat dapat memberikan pemulihan efektif kepada pesalah syariah.

Kata kunci : takat bidang kuasa, hukuman, pemulihan, efektif, pesalah syariah

ABSTRACT

The extent of sentencing jurisdiction in syariah criminal in Malaysia is clearly stated in Shariah Courts Act (criminal jurisdiction) 1965 amended 1984. Up until nowadays, the extent of sentencing jurisdiction in shariah courts still as the same and focuses on three year imprisonment, RM 5,000.00 fine or six lashes or any combinations of the three punishment. Therefore, the extent of sentencing seem as irrelevant in providing an awareness or rehabilitation to shariah offender. In addition, the extent of sentencing jurisdiction practice has almost reach to four decades in Malaysia. Therefore, the study aims to analyze the needs of enforcement an alternative punishment as an effective rehabilitation to shariah offender. This study is a qualitative study that uses a document analysis and interview instrument in data collection. The scope of this study is about the need an alternative punishment as effective rehabilitation to shariah offender and this study also focused in four states in Malaysia which is Selangor, Pulau Pinang, Kelantan and Johor. The results of this study are found that only the Selangor states actively practicing the alternative punishment. Hence, this study is important for an effort to raise the alternative punishment as one of the sentencing that can provide an effective rehabilitation to the shariah offender.

Keyword : jurisdiction, punishment, rehabilitation, effective, shariah offender

PENDAHULUAN

Perundangan Islam menurut syarak telah menggariskan tiga bentuk hukuman iaitu hudud, qisas dan diyat dan takzir. Asasnya di Malaysia, pelaksanaan undang-undang jenayah adalah berbentuk takzir apabila bentuk dan jenis hukuman serta kesalahan ditentukan oleh badan

¹ Pelajar Sarjana Syariah Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

² Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

³ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

pemerintah atau badan kehakiman itu sendiri bagi tujuan keadilan seperti hukuman denda, penjara atau sebatan. Bagi hukuman takzir, tiada nas khusus mengenainya disebut dalam al-Quran atau as-Sunnah (Abu Mazaya Al-Hafiz, et.al, 2015) dan ia merupakan suatu kesalahan yang menyalahi maslahah awam atau apa-apa perbuatan yang menyalahi norma sesuatu masyarakat (Siti Aisyah Samudin, 2022)

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 59 :

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَرْ عَثْمٌ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ ثُوَّمُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا)

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Uli’l-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) RasulNya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah an-Nisa 4 : 59)

Allah SWT telah memerintahkan kepada setiap umat manusia untuk mentaati Allah dan Rasul Allah serta mematuhi *Ulul Amri* iaitu pemerintah selagi tidak bercanggah dengan syarak dalam mendidik masyarakat (Wahbah al-Zuhaili, 2016). Undang-undang yang telah digariskan oleh pemerintah adalah termasuk kepada salah satu kewajipan sebagai rakyat untuk mematuohnya selain sebagai panduan dalam memastikan kemaslahatan rakyat terpelihara.

Pelaksanaan undang-undang jenayah di Malaysia pada hari ini telah mengamalkan sistem *dualisme* apabila terdapat dua pembahagian pelaksanaan undang-undang khususnya undang-undang jenayah iaitu di peringkat Persekutuan dan peringkat negeri (Mohamad Afandi Md Ismail, et.al, 2021). Dari sudut undang-undang jenayah syariah, Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1964 pindaan 1984 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) merupakan akta utama yang memberi kuasa penghukuman jenayah syariah. Akta 355 tersebut telah memberi kuasa penghukuman selain memperuntukkan takat hukuman maksima tiga tahun pemenjaraan atau denda RM 5,000.00 atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman di mahkamah syariah.

Keperluan peruntukan undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri adalah bagi tujuan mengawal perilaku masyarakat Islam itu sendiri dengan memperuntukkan jenis-jenis kesalahan syariah selain sebagai sumber peruntukan dalam penguatkuasaan hukuman mengikut jenis kesalahan yang telah dinyatakan dalam statut (Mohamad Afandi Md Ismail, et.al, 2021). Asasnya, objektif sesuatu penghukuman itu adalah bertujuan sebagai satu bentuk pembalasan, pencegahan dan juga pemulihan (Abu Mazaya Al-Hafiz, et.al, 2015). Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada keperluan pelaksanaan hukuman alternatif sebagai bentuk hukuman pemulihan yang efektif kepada pesalah syariah di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk fenomenologi. Kajian ini menyentuh mengenai aspek pemulihan yang efektif melalui hukuman alternatif kepada pesalah syariah. Bagi pengumpulan data, kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan analisis dokumen seperti buku, jurnal, artikel dan statut peruntukan undang-undang

berkaitan hukuman alternatif serta temu bual bersama informan kajian. Manakala dalam proses menganalisis data pula, data akan dianalisis secara induktif.

PERBINCANGAN

Konsep Hukuman Alternatif

Menurut Fiqh perundangan Islam, hukuman alternatif termasuk kepada *uqubah badliyyah* iaitu hukuman gantian bagi menggantikan hukuman asal yang tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab syarie (Abdul Qader ‘Awdah, 1999). Hukuman alternatif secara amalannya dapat ditafsirkan sebagai satu bentuk hukuman ganti yang menggantikan hukuman asal (Hasnizam Hashim, et.al, 2017).

Berdasarkan kepada konsep hukuman alternatif yang telah dinyatakan, pengkaji dapat merumuskan bahawa hukuman alternatif merupakan satu bentuk hukuman di luar skop hukuman nominal yang diperuntukkan oleh Akta 355. Menurut amalan di mahkamah syariah, informan kajian dalam memberi tafsiran hukuman alternatif telah menjelaskan bahawa hukuman alternatif adalah :

“Alternatif ini hukuman gantian atau pun hukuman lain daripada apa yang telah diletakkan dalam enakmen” (Informan 1, 14 September 2021, minit 03.48)

“Pada saya, yang sesuai gentian kepada hukuman sebenar” (Informan 2, 9 Februari 2022, minit 10.15)

“Bagi saya lebih sesuai alternatif itu, gantian” (Informan 3, 16 Februari 2022, minit 06.59)

“Merupakan satu hukuman ganti kepada hukuman denda dan penjara” (Informan 4, 30 Mac 2022, minit 01.29)

Secara praktikalnya, pernyataan informan mengenai maksud hukuman alternatif adalah menepati dan selari dengan konsep *Uqubah Badliyyah*, iaitu hukuman ganti bagi menggantikan hukuman sebenar yang tidak dapat dilaksanakan atas sebab syarie. Dalam konteks kajian ini, penggantian hukuman adalah bertujuan untuk memberikan pemulihan kepada pesalah . Gantian dalam konteks kajian ini juga merangkumi satu hukuman pilihan lain bagi menggantikan hukuman nominal yang sedia ada.

Hukuman Alternatif Sebagai Hukuman Pemulihan

Terma pemulihan menurut Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat memberi maksud pengembalian kepada keadaan yang asal. Dalam konteks kajian ini, pemulihan merujuk kepada suatu proses memulihkan pesalah berdasarkan kepada aktiviti, latihan atau modul tertentu (Hasnizam Hashim, et.al,2016). Hukuman alternatif pemulihan merupakan satu bentuk hukuman ganti bagi tujuan pemulihan berikutkan hukuman maksima yang sedia ada seperti denda, penjara atau sebatan dilihat kurang memberikan impak positif (Adibah Bahori, et.al, 2017) kepada pesalah syariah. Hal ini adalah kerana amalan penghukuman seperti denda khususnya mudah untuk diselesaikan jika pesalah merupakan seorang yang berkemampuan (Norliana Zaimon, et.al,2018) tanpa elemen pemulihan dan sejauh mana kesesuaian atau keberkesanannya kepada pesalah (Jasri Jamal, et.al, 2016).

Manakala hukuman pemenjaraan pula secara tidak langsung memberikan impak negatif jangka panjang kepada pesalah syariah. Namun begitu, penjara juga merupakan suatu tempat tahanan yang dalam pada masa yang sama, menyediakan modul-modul pemulihan (Hasnizam Hashim, et.al, 2018) akan tetapi, kemungkinan berlaku percampuran pesalah syariah dan juga pesalah

jenayah sivil sepanjang proses pemulihan tersebut. Hukuman pemulihan sebenarnya berperanan dalam pembentukan semula pemikiran serta tingkahlaku pesalah (Hasnizam Hashim, et.al, 2021) supaya pesalah kembali kepada fitrah asalnya. Pendekatan hukuman alternatif yang berunsurkan pemulihan juga bukan sahaja memberi pendidikan kepada pesalah, malah memberikan peluang kepada pesalah untuk berubah dari terus melakukan kesalahan berulang (Mohd Afizul Hakim, et.al, 2021).

Objektif Hukuman Alternatif Sebagai Pemulihan

Pada asasnya, hukuman adalah suatu bentuk pembalasan setimpal atas suatu kesalahan yang dilakukan (Hasnizam Hashim, et.al, 2021) yang bertujuan mengawal manusia. Namun begitu, pembalasan sahaja tidak mencukupi untuk mentarbiyyah pesalah selain memberi pendidikan kepada pesalah (Adibah Bahori, et.al, 2017). Firman Allah SWT dalam surah ash-Shams :

(وَقَدْ خَابَ مَنْ نَسِئَهَا)

Maksudnya : Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)

(Surah as-Shams : 91: 10)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT telah menciptakan manusia untuk tujuan yang sama iaitu beribadah kepadaNya. Namun begitu, terpulang kepada manusia untuk mencorakkan kehidupannya sama ada ke arah kebaikan atau sebaliknya. Justeru itu, hukuman alternatif bukanlah semata-mata pembalasan malah satu ruang yang diberikan kepada pesalah untuk memperbaiki kesilapan dan memberikan peluang kepada pesalah selain memfokuskan kepada pembentukan semula sahsiah pesalah (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et.al, 2021).

Hukuman di mahkamah syariah secara tidak langsung dapat dipelbagai suaikan mengikut keperluan atau suai manfaat pesalah (Adibah Bahori, et.al, 2017). Peruntukan mengenai hukuman alternatif telah ada diperuntukkan dalam perundangan jenayah syariah dan ia jelas merupakan satu pendekatan penghukuman yang baik kepada pesalah dalam menimbulkan rasa keinsafan (Adibah Bahori, et.al, 2017).

Dalam menghuraikan objektif hukuman alternatif pemulihan, informan berpendapat bahawa :

“Kalau bagi saya hukuman alternatif ini lagi bagus hukuman alternatif ini. Sebab dia daripada situlah sebenarnya dapat memberi kesan kepada pesalah-pesalah”
informan 1, 14 September 2021, minit 07.45)

“Sebagai kesedaran, bagi kesedaran dan tidaklah terlalu rigid sangat macam masuk penjara” (informan 3, 16 Februari 2022, minit 08.08)

“tujuan untuk memulihkan seorang pesalah itu daripada mengulangi kesalahan yang dilakukan. Dengan mengharapkan pesalah itu seorang insan yang baik lah selepas diberikan hukuman tersebut” (Informan 4, 30 Mac 2022, minit 01.29)

Lanjutan daripada huraiyan yang dijelaskan oleh informan, dapatkan mendapati bahawa objektif hukuman pemulihan mampu memberikan kesan yang positif, memberi kesedaran dan memberi peluang kepada pesalah untuk berubah ke arah yang lebih baik. Hukuman pemulihan juga dilihat mampu membantu pesalah untuk mengintegrasikan semula dalam kelompok masyarakat tanpa pandangan negatif.

Peruntukan Hukuman Alternatif

Hukuman alternatif merupakan salah satu cabang kepada bentuk hukuman Takzir apabila bentuk kesalahan dan hukuman ditentukan oleh pemerintah (Hasnizam Hashim, et.al, 2021). Asasnya, peruntukan berkaitan hukuman alternatif ada termaktub dalam statut Tatacara Jenayah Syariah (selepas ini disebut ETJS) negeri-negeri yang secara khususnya memberikan kuasa kepada hakim syarie untuk memutuskan hukuman mengikut suai manfaat seseorang pesalah selain daripada hukuman nominal sedia ada dalam Akta 355. Peruntukan tersebut secara umumnya menyebut :

| | | |
|---------------------------|------------|--|
| NEGERI SELANGOR | STATUT | Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 |
| | SEKSYEN | Seksyen 97 (2) |
| | PERUNTUKAN | <p>(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal peringangan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suai manfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah :</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah ; (b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, atau (c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon, dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan hadir supaya direkodkan sabitan dan dijatuhkan hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh itu. |
| NEGERI PULAU PINANG | STATUT | Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 2004 |
| | SEKSYEN | Seksyen 97 (2) |
| | PERUNTUKAN | <p>(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal peringangan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suai manfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah :</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah ; (b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, atau (c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon, dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam |

| | | |
|-----------------|------------|---|
| | | perintah itu, dan hadir supaya direkodkan sabitan dan dijatuhkan hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh itu. |
| NEGERI KELANTAN | STATUT | Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kelantan) 2002 |
| | SEKSYEN | Seksyen 97(2) |
| | PERUNTUKAN | <p>(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal peringangan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suai manfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah :</p> <p>(a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah ;</p> <p>(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, atau</p> <p>(c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon, dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, dan hadir supaya direkodkan sabitan dan dijatuhkan hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh itu.</p> |
| NEGERI JOHOR | STATUT | Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 |
| | SEKSYEN | Seksyen 97(2) |
| | PERUNTUKAN | <p>(2) Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal peringangan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suai manfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah :</p> <p>(a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah ;</p> <p>(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah, atau</p> <p>(c) melepaskan pesalah itu dengan syarat dia mengikat bon, dengan penjamin-penjamin, untuk berkelakuan baik selama apa-apa tempoh, yang tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam</p> |

| | | |
|--|--|--|
| | | perintah itu, dan hadir supaya direkodkan sabitan dan dijatuhkan hukuman apabila dipanggil pada bila-bila masa dalam tempoh itu. |
|--|--|--|

Jadual 1: Peruntukan hukuman alternatif

Peruntukan Seksyen 97(2) ETJS sebenarnya memberikan kuasa kepada hakim syarie untuk memutuskan pesalah syariah secara umum dengan melihat kepada faktor umur, watak, latar belakang, tahap kesihatan pesalah dan lain-lain. Secara amalannya, peruntukan tersebut boleh dimanfaatkan untuk memberikan hukuman-hukuman berbentuk pemulihan mengikut kreativiti hakim syarie. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan informan kajian bahawa Seksyen 97 (2) negeri-negeri boleh digunakan oleh hakim syarie untuk memutuskan hukuman alternatif dengan mengambil kira faktor-faktor tertentu :

- ‘ “97(2) , mengambil kira faktor umur, watak, kesihatan. Haa kesihatan itu, macam warga emas tadi itu lah , contoh warga emas” (informan 1, 14 September 2021, minit 40.43)
- “tengok kepada latar belakang dia. Jadi, pihak OKT, dia kena buat hujahan supaya dia dikenakan hukuman alternatif...” (Informan 2, 9 Februari 2022, minit 14.05)
- “Seksyen 97(2), iaitu kuasa untuk melepaskan dengan syarat atau tanpa syarat seperti yang dalam tatacara itu lah” (Informan 4, 30 Mac 2022)

Seksyen 97 (2) ETJS di keempat-empat negeri secara tidak langsung memberikan panduan kepada hakim syarie dalam memutuskan hukuman alternatif mengikut suai manfaat pesalah selain melihat kepada fakta-fakta kes. Satu lagi peruntukan mengenai hukuman pemulihan telah diperuntukkan dalam EJS negeri-negeri. Peruntukan tersebut secara khususnya menyebut pesalah dan jenis kesalahan (Nurbazla Ismail, et.al, 2016) yang bagaimana, hukuman menjalani pemulihan tersebut boleh dipertimbangkan oleh hakim syarie. Peruntukan tersebut adalah :

| | | |
|---------------------|------------|---|
| NEGERI SELANGOR | STATUT | Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 |
| | SEKSYEN | Seksyen 54 : Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan atau rumah diluluskan |
| | PERUNTUKAN | <p>(1) Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang untuk atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau Seksyen 9, 10 atau 11, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu, memerintahkan supaya orang itu menjalani kaunseling atau pemulihan di pusat pemulihan yang diluluskan selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu</p> <p>(2) Jika mana-mana Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman yang dinyatakan bagi kesalahan itu memerintahkan supaya orang perempuan itu dikomitkan ke suatu rumah yang diluluskan selama tempoh tidak melebihi tempoh enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.</p> |
| NEGERI PULAU PINANG | STATUT | Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 |
| | SEKSYEN | <p>Seksyen 55 : Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan</p> <p>Seksyen 56 : Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan</p> |
| | PERUNTUKAN | <p>Seksyen 55 : Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II di bawah seksyen 7, 8, 9 atau 31, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang sedemikian dikomitkan ke pusat pemulihan diluluskan untuk menjalani apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan, tempohnya tidaklah boleh melebihi tiga tahun secara agregat.</p> <p>Seksyen 56 : Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintah orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi tiga tahun secara agregat.</p> |

| | | |
|--------------------|------------|---|
| NEGERI KELANTAN | STATUT | Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Negeri Kelantan) 2019 |
| | SEKSYEN | Seksyen 64(1) |
| | PERUNTUKAN | (1) Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, mahkamah boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang sedemikian menjalani apa-apa kaunseling atau ditahan ke pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam, rumah kebaikan, masjid, institusi atau pusat yang diluluskan untuk menjalani pemulihan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan atau penahanan, tempohnya tidaklah boleh melebihi tiga tahun. |
| NEGERI JOHOR | STATUT | Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997 |
| | SEKSYEN | Seksyen 55 : Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan yang diluluskan |
| | PERUNTUKAN | Seksyen 56 : Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan |
| | PERUNTUKAN | Seksyen 55 : Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 7, 8, 9 atau 31, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang sedemikian dikomitkan ke pusat pemulihan diluluskan untuk menjalani apa-apa kaunseling atau pemulihan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun. Seksyen 56 : Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun. |

Jadual 2 : Peruntukan hukuman pemulihan

Secara jelasnya, peruntukan mengenai hukuman pemulihan telah diperuntukkan dalam EJS negeri-negeri tertumpu kepada kesalahan melibatkan kesucian agama Islam dan juga kesalahan berkaitan kesusilaan (Nurbazla Ismail, et.al, 2016) yang jelasnya memerlukan pemulihan ke atas seseorang pesalah syariah yang telah melakukan kesalahan tersebut.

Pesalah Di Mahkamah Syariah

Dalam statut peruntukan ETJS negeri-negeri, terdapat dua kategori pesalah yang disebut secara khusus dalam peruntukan tertentu iaitu pesalah muda dan pesalah kali pertama. Sebagai contoh, ETJS (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan pesalah muda dalam seksyen 128 dan sebagai tafsiran, pesalah muda menurut Seksyen 2 ETJS (Negeri Selangor) 2003 bermaksud :

Seksyen 2 : Tafsiran

“Pesalah muda” :seseorang pesalah yang berumur lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun

Manakala, pesalah kali pertama diperuntukkan dalam seksyen 129 ETJS negeri-negeri. Namun begitu, bagi pesalah kali pertama tiada tafsiran khusus telah diperuntukkan menurut ETJS negeri-negeri dan secara umumnya ia dapat difahami sebagai seorang pesalah yang telah melakukan kesalahan kali pertama dan didakwa di mahkamah bagi kesalahan tertentu dan kebiasaannya dijadikan sebagai rayuan peringangan hukuman.

Secara amalannya di mahkamah syariah, pesalah yang sesuai dan sering mendapat perhatian mahkamah untuk menjalani hukuman alternatif pemulihan adalah salah satunya pesalah muda.

“kalau pesalah muda, jarang sangatlah kita akan bagi hukuman denda semua. Kita akan bagi hukuman alternatif. Dan juga pesalah kali pertama” (Informan 1, 14 September 2021, minit 08.58)

“Pesalah warga emas mungkin juga” (Informan 2, 9 Februari 2022, minit 13.49)

“Bagi saya yang sesuai, pesalah muda lah, macam kes khalwat kan” (Informan 3, 16 Februari 2022, minit 16.57)

“Pada pendapat saya lah kan, sepanjang pengalaman kerja ini, saya rasa yang paling sesuai ialah kesalahan yang berkaitan dengan pondan” (Informan 4, 30 Mac 2022, minit 05.54)

Kepelbagai pendapat dan pandangan informan-informan kajian mengenai pesalah yang bersesuaian menjalani hukuman alternatif pemulihan memberi satu kesimpulan sepertimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 97 (2) ETJS Negeri-negeri yang merangkumi pertimbangan hakim syarie meskipun tiada peruntukan atau tafsiran khusus mengenai siapakah pesalah syariah.

Keberkesanan Hukuman Alternatif Kepada Pesalah Syariah

Antara salah satu objektif hukuman adalah sebagai pemulihan kepada pesalah. Hakim syarie juga dalam memutuskan suatu hukuman , perlu untuk mengambil kira beberapa faktor antaranya adalah hukuman yang diputuskan adalah bersesuaian dengan jenis kesalahan dan suaimanfaat pesalah, hukuman tanpa sebarang prejudis yang melibatkan taraf, jawatan dan sebagainya, hukuman tersebut mencukupi dalam memberikan keinsafan kepada pesalah serta mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama (Siti Zubaidah Ismail,2016). Aspek pemulihan perlu untuk diterapkan berikutan kesalahan jenayah syariah adalah kesalahan yang bersifat “undang-undang diri” dan apabila pesalah dipulihkan , kopetensi diri melibatkan akhlak, sahsian dan peribadi pesalah dapat diperbaiki (Nur Zulfah, et.al, 2021). Dalam aspek keberkesanan hukuman alternatif ini, informan menjelaskan bahawa :

“kalau kita nilai daripada keberkesanan hukuman alternatif sebagai sifat pemulihan itu, saya rasa memang itu lebih sesuai dikenakan kepada warga emas, contoh warga emas atau pun macam saya cakap tadi, pesalah muda, kanak-kanak, atau pun yang, iyalah yang macam umur 19 tahun. Walau pun kita boleh kenakan dia hukuman denda untuk umur 19 tahun kan, tapi untuk kita bagi kesedaran dengan hukuman pemulihan itu, pun boleh juga kita letakkan hukuman alternatif sebagai pemulihan, biar dia rasa lah, macam itu” (Informan 1, 14 September 2021,minit 32.40)

Selain itu juga, elemen pemulihan amat penting untuk diterapkan dalam amalan penghukuman bagi mengelakkan kesalahan dilakukan secara berterusan. Sebagai contoh, bagi kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan, informan menjelaskan bahawa kesalahan yang bersifat berterusan dilihat menjadi keperluan untuk diberikan hukuman pemulihan :

“...contoh kalau kes khalwat , dia berdosa semasa khalwat. Kalau pondan ini, dosa dia berterusan tau. Kalau yang khalwat itu, dosa semasa itu sahaja, *stop* lepas itu tidak buat lagi kan. Kalau pondan ini, berterusan. *So*, orang yang macam itu patut kita pulih kan lah” (informan 4, 30 Mac 2022, minit 06.05)

Melihat kepada pentingnya penerapan elemen pemulihan dalam amalan penghukuman, hal ini kerana hukuman nominal mampu untuk memberikan kesedaran dan pendidikan (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et.al, 2021) malahan, hukuman denda semakin mudah untuk diselesaikan. Tambahan lagi, kerelevan hukuman sedia ada yang diperuntukkan oleh Akta 355 semakin menipis berikutan tiada peningkatan kadar hukuman meskipun hampir mencapai empat dekad pengaplikasiannya.

Impak daripada hukuman alternatif yang berunsurkan pemulihan juga sebenarnya dapat mentarbiah pesalah supaya menjadi manusia yang patuh kepada hukum syarak dan juga undang-undang. Sebagai contoh, berikut merupakan analisis beberapa kes berkaitan hukuman alternatif yang menunjukkan bahawa hukuman pemulihan dilihat mampu memberikan impak dan keberkesanan yang positif kepada pesalah.

1. Pendakwa Syarie Iwn. Noorul Nadia Yahaya (10002-139-0314-2014)
Tertuduh dalam kes ini telah dipertuduhkan suatu kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 18(1) EJS (Negeri Selangor) 1995. Rayuan mitigasi yang dikemukakan bahawa tertuduh telah insaf dan bertaubat serta memohon denda dikurangkan. Hakim syarie setelah meneliti fakta kes dan menimbang rayuan mitigasi telah memutuskan pesalah dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan selama empat bulan. Hasil laporan yang dikemukakan oleh pegawai yang pusat perlindungan tersebut, tertuduh menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam setiap modul pemulihan yang disediakan.
2. Pendakwa Syarie Iwn. Hazimah Mohd Hariri (10021-143-0186-2019)

Dalam kes ini, tertuduh telah dipertuduh kesalahan bawah Seksyen 29(1) (b) EJS (Negeri Selangor) 1995. Rayuan mitigasi dikemukakan dan setelah hakim syarie mengambil kira fakta dan rayuan mitigasi tertuduh, tertuduh diputuskan untuk dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan selama tiga bulan untuk menjalani pemulihan. Hasil laporan yang dikemukakan oleh pegawai pusat perlindungan tersebut, prestasi tertuduh memuaskan sepanjang mengikuti modul pemulihan yang disediakan di pusat tersebut.

3. Pendakwa Syarie Iwn. Muhammad Alif Amzar Zainudin (10021-143-0043-2020)

Tertuduh dalam kes ini telah dipertuduh bawah kesalahan Seksyen 29(1)(a) EJS (Negeri Selangor 1995. Berdasarkan kepada fakta kes dan potensi pesalah untuk dipulihkan, hakim syarie memutuskan bahawa pesalah dihantar menjalani pemulihan di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman menurut peruntukan Seksyen 97(2) ETJS (Negeri Selangor) 2003 selama tempoh enam bulan. Hasil laporan daripada pegawai pusat tahanan tersebut, tertuduh menunjukkan sikap yang baik dan mengikuti setiap modul pemulihan yang disediakan dengan baik.

Berdasarkan kepada tiga contoh kes tersebut, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan, telah diperintah untuk menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan yang menyediakan modul pemulihan bagi tujuan pemulihan dilihat mampu memberikan impak yang positif kepada diri

pesalah dibandingkan dengan hukuman nominal yang kurang memberikan impak yang positif (Azizah Md Rashid,et.al, 2021)

Justeru itu, keperluan untuk memanfaatkan peruntukan mengenai hukuman alternatif seperti yang telah sedia diperuntukkan oleh ETJS dan EJS negeri-negeri amat ditekankan sebagai satu hukuman yang memberikan impak positif kepada pesalah. Perkara ini ditekankan oleh informan yang menegaskan bahawa :

“saya tekankan di sini, yang terbaiknya hukuman pemulihan dikenakan kepada pesalah-pesalah sebenarnya lebih berkesan berbanding denda” (Informan 1, 14 September 2021, minit 51.52)

“...pada saya memang satu keperluan kerana dia lebih memulihkan daripada kita hendak mengaibkan” (informan 4, 30 Mac 2022, minit 18.49)

Oleh yang demikian, memandangkan hukuman sedia ada masih belum ditambah baik takat hukumannya, hakim-hakim syarie mempunyai ruang budibicaranya untuk mempelbagaikan bentuk hukuman atau mengaktifkan amalan penghukuman alternatif yang berunsurkan pemulihan dengan memanfaatkan peruntukan yang sedia ada.

Analisis Amalan Pelaksanaan Hukuman Alternatif Pemulihan Di Mahkamah Syariah

Berdasarkan kepada empat negeri yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini, hasil dapatan mendapati bahawa negeri Selangor sahaja yang aktif dalam mengaplikasikan hukuman alternatif pemulihan berbanding tiga negeri yang lain. Hal ini berikutan, di negeri Selangor mempunyai pusat-pusat pemulihan yang telah digazetkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman.

Peruntukan mengenai penubuhan atau penetapan pusat pemulihan menurut EJS di keempat-empat negeri adalah seperti berikut :

| NEGERI | STATUT | SEKSYEN | PERUNTUKAN |
|---------------------|---|--|--|
| Negeri Selangor | Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 | Seksyen 53 : Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan | Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat penulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini |
| Negeri Pulau Pinang | Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996 | Seksyen 54 : Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan | Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat penulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini |
| Negeri Kelantan | Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Kelantan) 2019 | Seksyen 63 : Penetapan Pusat Pemulihan, pusat bimbingan Islam atau rumah kebajikan | Ke bawah Duli Yang Maha Mulis Al-Sultan Kelantan boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat sebagai pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam, rumah kebajikan, masjid, institusi atau pusat yang diluluskan bagi maksud Enakmen ini |

| | | | |
|--------------|---|---|--|
| Negeri Johor | Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 | Seksyen 54 : Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan | Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat menjadi pusat penulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini |
|--------------|---|---|--|

Jadual 3 : Peruntukan penetapan pusat pemulihan

Dengan penubuhan atau penetapan rumah-rumah pemulihan yang digazetkan, ia secara tidak langsung membuka peluang kepada mahkamah syariah untuk merealisasikan peruntukan berkaitan hukuman pemulihan kepada pesalah syariah. Hakikatnya, kuasa untuk menubuhkan atau menetapkan rumah pemulihan sebenarnya telah diperuntukkan bagi tujuan pemulihan kepada pesalah syariah supaya pelaksanaannya lebih efisien berpandukan kepada modul-modul pemulihan tertentu. Sebagai contoh, modul pemulihan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan telah mengaplikasikan *tazkiyat al-nafs* sebagai proses pemulihan akhlak yang merangkumi penguasaan ilmu dan kemahiran, ibadah, aktiviti-aktiviti fizikal dan lain-lain (Nurul Husna Mansor, et.al, 2017) untuk memulihkan pesalah.

Di negeri Johor pula, pelaksanaan hukuman alternatif pemulihan bergantung kepada permintaan pesalah atau keluarga pesalah dan impaknya, pesalah perlu menanggung sendiri pembiayaan semasa menjalani proses pemulihan di pusat pemulihan. Hal ini berikutnya, ketiadaan pusat pemulihan yang digazetkan di bawah Majlis. Satu usaha untuk menubuhkan pusat pemulihan seperti Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di negeri Selangor telah dicadangkan dan telah dibentangkan. Informan dalam menjelaskan pelaksanaan di negeri Johor menyatakan bahawa :

“Laksanakan, tetapi itu lah, ia berdasarkan permintaan tertuduh atau pesalah itu sendiri”
(Informan 4, 30 Mac 2022, minit 13.04)

“....cadangan itu ada hendak buat. Ada, tetapi tempat tiada lagi. Tidak digazetkan lagi”
(Informan 4, 30 Mac 2022, minit 24.33)

Realitinya, penubuhan pusat-pusat pemulihan adalah di bawah kuasa Majlis sepertimana yang diperuntukkan oleh EJS negeri-negeri berkaitan penetapan pusat pemulihan namun peruntukan tersebut dilihat masih belum direalisasikan oleh kebanyakan negeri (Siti Zubaidah Ismail, 2011) termasuklah negeri Johor. Namun begitu, satu usaha dan cadangan telah dikemukakan untuk menubuhkan suatu pusat pemulihan khusus kepada pesalah syariah seperti yang telah dijelaskan oleh informan.

Seterusnya bagi dua lagi negeri iaitu negeri Pulau Pinang dan Kelantan, amalan hukuman alternatif masih belum dilaksanakan. Kenyataan ini adalah berpandukan kepada dapatan temu bual bersama informan kajian yang menyatakan bahawa :

“Belum ada lagi” (Informan 2, 9 Februari 2022, minit 11.06)

“Dah ada dalam enakmen, tetapi pelaksanaan tidak lagi lah” (informan 3, 16 Februari 2022, minit 22.33)

Meskipun masih belum ada pelaksanaan hukuman alternatif di kedua-dua negeri ini, namun terdapat usaha untuk memperkasakannya. Sebagai contoh, penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Kelantan) 2019 telah memasukkan suatu peruntukan khusus mengenai kuasa mahkamah untuk memutuskan salah satu bentuk hukuman pemulihan iaitu hukuman menjalankan khidmat komuniti yang masih belum ada dalam mana-mana statut peruntukan di negeri-negeri lain.

Justeru itu, pemerkasaan hukuman alternatif dalam memberikan pemulihan kepada pesalah adalah penting untuk memenuhi objektif penghukuman dalam mentarbiyyah pesalah selain

memberikan ruang dan peluang kepada pesalah memperbaiki dirinya semula dengan pemantauan pihak-pihak berwajib.

KESIMPULAN

Keperluan memperkasakan hukuman alternatif yang memberikan pemulihan kepada pesalah adalah penting bagi menggantikan hukuman nominal yang sedia ada menurut Akta 355. Hal ini kerana, hukuman maksima yang diperuntukkan iaitu tiga tahun pemenjaraan, RM 5,000.00 denda atau enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi hukuman dilihat semakin kurang relevan dalam memberi pemulihan kepada pesalah syariah khususnya. Hukuman alternatif pemulihan menuntut kepada kreativiti seseorang hakim syarie dalam memutuskan hukuman kepada pesalah dengan mengambil kira faktor yang telah diperuntukkan demi kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Qader 'Awdah. 1999, *Criminal Law of Islam*, Kitab Bhavan, New Delhi, India
- Abu Mazaya Al-Hafiz & Abu Izzat Al-Sahafi, 2015, *Fiqh Jenayah Islam*, Al-Hidayah Publications
- Adibah Bahori. Siti Zubaidah Ismail & Nik Khazarita Nik MD Khalib, 2017, Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak di Malaysia : Analisis Pendekatan Undang-undang Syariah, *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN 2017)*, 1-10
- Al-Quran al-Karim
- Azizah Mat Rashid, Mphd Azhan Yahya, Adibah Bahori, Suhaizad Saifuddin & Mohamad Yuszairi Mohamad Zam Zam, 2021, Santuni Alam Sekitar : Ke Arah Pemerksaan Pelaksanaan Hukuman Alternatif, *International Conference on Syariah and Law (ICONSYAL 2021)-Online Conference*, 575-583
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2016, Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah : Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-negeri, *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Vol.3 , USIM, 1-16
- Hasnizam Hashim & Jasri Jamal, 2017, Pelaksanaan Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah : Keperluan kepada Pemantapan Peruntukan dalam Akta / Enakmen Syariah Negeri-negeri, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 1-15
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'Chiang & Ramalinggam Rajamanickam, 2018, Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah : Kajian di Jabatan Penjara Malaysia, *JUUM (Isu Khas/ Special Issue)*, 72-85
- Hasnizam Hashim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2021, Salah Faham Terhadap Konsep Hukuman Keseksyen dalam Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia : Suatu Penjelasan daripada Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah, *International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021)*, USIM, 642-653
- Kamus (online) Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat
- Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, Ikhmal Hafiz Jamal, Muhammad Hasif Yahaya, Muhd Najib Wakil, 2021, Peranan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Gejala Sosial dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia, *International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences (I-CReST)* UITM, 162-172
- Mohd Afizul Hakim Ibakarim, Ibrahim Mazlan, Mohd Rafi Sanusi , Sahul Hameed Moideen, Muhd Helmi Kasman & Mohd Syahir Sahab, 2021, Keperluan Hukuman Pemulihan

- Terhadap Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan : Satu Cadangan, *Journal of Muwafaqat*, Vol. 4, No. 2, KUIS, 1-17
- Nurbazla Ismail & Mohd Al-Adib Samuri, 2016, Prospek Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah, *Islamiyyat* 38(1), 77-84
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Norazla Abdul Wahab & Hammad Mohd Dahalan, 2021, Mitigasi di Mahkamah Syariah : Penghakiman Berasaskan Keadilan Restoratif dan Rehabilitasi, *Journal of Fatwa Management and Research (Special Edition 2021*, Vol. 26, No. 2, 227-240
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2017, Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian di Baitul Ehsan dan Dar As-Saadah, *Jurnal Hadhari* 9(2), 261-274
- Norliana Zaimon & Mohd Al-Adib Samuri, 2018, *Aplikasi Hukuman Alternatif bagi Kes Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*, *Jurnal Hukum*, 47 (1), 1-24
- Siti Aisyah Samudin, 2022, Ulasan Buku : Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia, *Journal of Syariah Law Research 2022*, Vol. 7(1), 147-160
- Siti Zubaidah Ismail, 2011, Hukuman Alternatif dari Perspektif Undang-undang Syariah, *ShLR* 4, JKSM
- Siti Zubaidah Ismail, 2016, Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wahbah az-Zuhaili, 2016, *Tafsir al-Munir : Akidah, Syariah, Manhaj (an-Nisaa'-al Maa'idah)* Juz 5 & 6, Jil. 3, Gema Insani, Jakarta, 141

STATUT

- Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1965 pindaan 1984 (Akta 355)
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) (Negeri Kelantan) 2019
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 2002
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003

TEMU BUAL

- Informan 1, 14 September 2021, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
- Informan 2, 9 Februari 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang
- Informan 3, 16 Februari 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan
- Informan 4, 30 Mac 2022, Jabatan Kehakiman Syariah Johor